

MAHATHIR-VIETNAM

DARI: MUSA SCULLY

1983

COLOMBO, 21 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBERI AMARAN BAHAWA PENCABULAN VIETNAM KE ATAS WILAYAH THAI AKAN BERLAKU LAGI DI MASA DEPAN SELAGI HANOI MENERUSKAN PENDUDUKAN HARAMNYA DI KAMPUCHEA DAN TIDAK PENGHIRAUKAN SERUAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENCAPAI SATU PENYELESAIAN SECARA AMAN.

BERUCAP DI SATU MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIBERIKAN OLEH PRESIDEN SRI LANKA, ENCIK J.R. JAYEWARDENE, BELIAU SEKALI LAGI MENGULANGI SERUANNYA KEPADA MASYARAKAT ANTARABANGSA SUPAYA MEMINTA PENGHENTIAN SEGERA TINDAKAN TENTERA VIETNAM DI SEPANJANG SEMPADAN THAI-KAMPUCHEA DAN PENGUNDURAN SEPENUHNYA DARI KAMPUCHEA.

SERANGAN-SERANGAN YANG KINI DILANCARKAN TERHADAP KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA YANG DIKTIRAF OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU DAN ORANG-ORANG AWAM KHMER YANG TIDAK BERDOSA ADALAH DIKUTUK.

PERDANA MENTERI, YANG BERADA DI SINI UNTUK LAWATAN TIGA HARI, MENYERU KERAJAAN SRI LANKA MENYCKONG USAHA MALAYSIA UNTUK MENCARI SATU PENYELESAIAN AMAN TERHADAP MASALAH KAMPUCHEA.

BELIAU BERKATA: +SOKONGAN KERAJAAN ANDA TERHADAP USAHA KAMI AMAT DIHARGAI.+ -- LAGI 2203/AZ

ZCZC B693:

MAHATHIR-VIETNAM 2 COLOMBO

8 BELIAU BERKATA OPERASI VIETNAM DI SEPANJANG SEMPADAN KAMPUCHEA-THAI DIKHAUTIRKAN MEREBAK KE NEGERI THAI DAN MENIMBULKAN PEPERANGAN DI RANTAU INI DAN MEMPELAWA PENGLIBATAN KUASA-KUASA BESAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI SOKONGAN KEPADA USAHA SRI LANKA UNTUK MENGADAKAN PERSIDANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI PERISTI-HARAN LAUTAN HINDI SEBAGAI ZON KEAMANAN.

BAGAIMANAPUN, PENDUDUKAN HARAM VIETNAM YANG BERTERUSAN DI KAMPUCHEA MERUPAKAN HALANGAN BESAR KEPADA KEWUJUDAN KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI ZOPFAN.

BELIAU BERKATA PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI YANG DI-ANGGOTAI OLEH KEDUA-DUA NEGARA TIDAK MUNGKIN MENCAPAI OBJEKTIFNYA JIKA NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA DAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI TERLIBAT DALAM SENGKETA KUASA-KUASA BESAR ATAU +DENGAN SENDIRINYA MELAKUKAN KEGANASAN DENGAN SOKONGAN KUASA-KUASA BESAR.+

-- LAGI 2206/AZ

MAHATHIR-VIETNAM 3 COLOMBO

PRESIDEN SRI LANKA, ENCIK J.R. JAYAWARDENE, DALAM UCAPANNYA MENYOROT PERISTIWA-PERISTIWA +IDENTITI DAN TUJUAN BERSAMA+ DI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

BELIAU MEMUJI MASYARAKAT MELAYU YANG TELAH MENONJOLKAN DIRI DALAM PELBAGAI BIDANG KEHIDUPAN AWAM DAN MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA NEGARA.

+MASYARAKAT YANG KUAT INI TELAH MENGHASILKAN SETENGAH-SETENGAH DARIPADA PARA PENTADBIR, DOKTOR, PENGUAM DAN LAIN-LAIN PROFESSIONAL DAN AHLI-AHLI SUKAN YANG CEKAP.+

BELIAU MENSIFATKAN LAWATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SATU LAGI LANGKAH KE HADAPAN DALAM SEJARAH USAHA BERSAMA ANTARA RAKYAT KEDUA-DUA NEGARA DAN SATU BUKTI +PERSAHABATAN RAPAT DAN KERJASAMA SUKARELA YANG KUKUH+ DI ANTARA MEREKA.

-- LAGI 2209/AZ

ZCZC B695

MAHATHIR-VIETNAM 4 COLOMBO

BELIAU BERKATA LAWATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERTEPATAN DENGAN MASA +ANGIN PERUBAHAN+ BERTIUP DI RANTAU ASIA YANG KEAMANAN DAN KESTABILNYA DIANCAM OLEH PERISTIWA-PERISTIWA DI KAMPUCHEA.

+HARAPAN DAN JANGKAAN BARU SEDANG DIWUJUDKAN OLEH KERELAAN NEGARA-NEGARA UNTUK MENGADAKAN DIALOG DI KALANGAN MEREKA MENGENAI PELBAGAI ISU.+

DAYAUSAHA FORUM ASIA SELATAN DAN PERTEMUAN PARA MENTERI LUARNYA TAHUN INI TELAH MEMBUKA JALAN UNTUK PERKEMBANGAN YANG MENGGALAKKAN DALAM HUBUNGAN ANTARA NEGARA DI RANTAU INI, TAMBAH BELIAU.

-- BERNAMA 2211/AZ